

21/08/1998

Cadangan PM berasas (HL)

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Khamis - Cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kegiatan manipulasi mata wang dikawal kerana ia boleh menghancurkan ekonomi negara membangun, yang dikemukakannya di Hong Kong tahun lalu, ternyata berasas.

Hong Kong, yang sebelum ini bermegah sebagai pusat pasaran bebas di rantau ini, terpaksa mengambil tindakan yang bertentangan dengan falsafah itu apabila mata wang dan pasaran sahamnya diserang oleh pedagang mata wang.

Menurut Perdana Menteri, wilayah pentadbiran khas China itu kini terpaksa campur tangan untuk menyokong nilai mata wang serta pasaran saham dan hadapannya yang terjejas teruk akibat serangan itu.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, seperti biasa, sebagai kuasa ekonomi utama dunia, Hong Kong dan kuasa besar dunia lain tidak akan mengiktiraf pendapat dan cadangan Malaysia, yang pertama kali dikemukakannya pada mesyuarat Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) di kepulauan itu, Oktober lalu.

"Nampaknya dia tak mahu iktiraf apa yang saya katakan sebagai benar, tapi apa yang mereka buat sama dengan yang kita cadangkan mereka harus buat. Mereka adalah orang yang megah. Mereka tidak akan mengatakan itu, walaupun mereka tahu kita bercakap benar.

"Sekarang mereka bercakap mengenai keperluan untuk mengawal apa sahaja peraturan membabitkan pedagang mata wang. Mereka fikir kita adalah bodoh, tetapi kadang-kadang 'kita' mengikut orang bodoh," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan bersama rakyat di Taman Tasik Titiwangsa, di sini petang ini.

Dr Mahathir ditanya apakah dunia kini menerima pendapat dan cadangan Malaysia di mesyuarat IMF di Hong Kong tahun lalu, bahawa satu peraturan perlu dibuat bagi mengawal dan mengawasi kegiatan pedagang mata wang, yang menjalankan perdagangan hingga menyebabkan kedudukan ekonomi beberapa negara jatuh teruk.

Semalam, kerajaan Hong Kong mengumumkan akan terus memerangi spekulator selepas ekonominya merudum 2.8 peratus pada suku pertama tahun dan penguncupan dijangka bertambah buruk pada suku kedua.

Walaupun tidak dapat memberi sebarang jaminan, Perdana Menteri berharap kedudukan pasaran saham dan mata wang yang meningkat pada tahap memberangsangkan sejak dua hari lalu berterusan.

"Saya tidak tahu sama ada ia adalah hasil perkataan saya, ramai yang memberi pandangan berbeza... mungkin ia disebabkan sesuatu yang lain," katanya.

Isnin lalu, Dr Mahathir berkata antara langkah drastik yang mungkin diambil untuk memulihkan ekonomi ialah mencontohi langkah Hong Kong yang membeli sahamnya sendiri, serta Taiwan yang mengadakan moratorium ke atas pinjaman bank, serta Russia menurunkan nilai rubel.

"Kita akan berusaha untuk mempertahankan nilai saham. Kita tidak berani kata (sampai ada ia akan terus meningkat) kerana orang lain, bila kita tolak naik, dia tolak turun... macam main jongkang jongkit, yo-yo," katanya.

Menurut Perdana Menteri, tidak ada siapa yang boleh memberi jaminan kedudukan mata wang dan pasaran saham sesebuah negara seperti dialami Malaysia sejak dua hari lalu, akan terus meningkat.

"Selagi dunia tidak mengaku masalah ini disebabkan perdagangan mata

wang, maka semua ekonomi negara di dunia akan terjejas kepada ancaman seperti ini.

"Kita sudah lihat umpamanya, mereka berkata Mexico telah dipulih semula apabila berlaku serangan ke atas peso kerana tindakan Bank Dunia dan Amerika Syarikat, tetapi sejak Januari lalu hingga hari ini, nilai peso Mexico jatuh 40 peratus.

"Walaupun peso dulu dipulih dengan bantuan Amerika Syarikat, ia boleh jatuh semula selagi dagangan mata wang dengan cara sekarang diadakan.. jadi kita tidak boleh beri jaminan.

"Selagi dunia sayang sangat kepada pedagang mata wang ini dan melindungi mereka, selama itulah dunia akan menghadapi masalah kewangan," tegasnya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang memikirkan pelbagai langkah dan cara untuk melindungi mata wang dan pasaran saham negara ini. Bagaimanapun, cadangan untuk bergabung dengan negara lain yang mengalami serangan pedagang mata wang sukar untuk dilakukan kerana keputusannya mungkin lebih buruk lagi.

"Kalau bergabung, secara serta merta, mereka hentam lagi teruk. Mereka akan menjadikan kita papa. (Contohnya) Indonesia dulu 2,500 rupiah bagi AS\$1, sekarang jatuh sampai 16,000 rupiah bagi AS\$1... jadi tidak ada had.

"Mereka boleh memusnahkan kita secara mutlak, mereka akan mencincang kita halus. Mereka adalah orang yang begitu berkuasa dan seperti semua manusia yang mempunyai kuasa... mereka adalah korup," katanya.

Berikutan itu, Perdana Menteri meminta rakyat bersatu padu, bekerjasama serta memberi sokongan penuh kepada usaha kerajaan bagi menangani kegawatan ekonomi sekarang.

Sebelum itu, dalam ucapannya Perdana Menteri berkata, perpaduan kukuh di kalangan rakyat berbilang bangsa memberi kekuatan kepada negara untuk menundukkan musuh yang lebih kuat.

"Kita tak kuat, tak kaya dan tak begitu cekap berbanding dengan mereka (Barat). Tetapi orang yang tak cekap, tak kaya dan tak kuat, jika mereka merapatkan barisan, musuh yang kuat juga akan tunduk kepada kita," katanya.

Lebih 6,000 warga kota hadir pada majlis anjuran Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan di Stadium Titiwangsa.

Hadir sama ialah Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat; Pengerusi BN Wilayah Persekutuan, Datuk Suleiman Mohamad dan pemimpin parti komponen BN.

(END)